SAMPEL PERCUMA

# Kertas Trial SPM 2026 Bahasa Melayu Pahang

## Set penuh: Kertas Trial SPM

Bahasa Melayu (25+ set)

**Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:**

- 2 fail PDF
- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

# RM12.90

**BELI SET PENUH RM12.90 >**

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

1103/1
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
2 JAM
JULAI 2026

NAMA :.....

KELAS :.....

**MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**
**TINGKATAN 5**
**TAHUN 2026**

---

**BAHASA MELAYU**
**Kertas 1**
**Dua jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian :* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

2. *Jawab soalan* **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B.**

3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi dan jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

1103/1 © Hak Cipta MPSM PAHANG 2026

## BAHAGIAN A

[ 30 Markah ]

*Soalan ini **mesti** dijawab.*

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pencemaran plastik.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang* **pencemaran plastik** di Malaysia.

*Panjangnya huraian hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Hasil perangkaan global mendapati bahawa lima trilion beg plastik digunakan setiap tahun dan 13 juta tan daripadanya dibuang ke laut. Manakala, dianggarkan sejuta botol plastik dibeli setiap minit dan 100,000 hidupan laut terbunuh disebabkan plastik pada setiap tahun. Di Malaysia, dianggarkan secara purata sebanyak sembilan bilion plastik digunakan oleh rakyat Malaysia pada setiap tahun dan sebahagian besarnya juga berakhir di lautan.

Sumber : Internet



## BAHAGIAN B
## ( 70 MARKAH)

*Bahagian ini mengandungi* **empat** *soalan. Jawab* **satu** *soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

1

Kadar membaca dalam kalangan masyarakat masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini berkait rapat dengan isu budaya membaca yang semakin merosot. Meskipun ramai yang mengetahui akan faedah membaca namun mereka masih membaca hanya untuk tujuan peperiksaan dan bukan sebagai hobi atau amalan harian.

Sumber : Internet

Huraikan manfaat-manfaat yang diperoleh murid apabila menjadikan amalan membaca sebagai hobi dalam kehidupan seharian.

2

Jabatan Warisan Negara secara rasmi telah mewartakan 117 jenis makanan Malaysia sebagai *Warisan Kebangsaan* di bawah Deklarasi Objek Warisan 2025. Makanan warisan seperti ketupat, ambuyat, tose dan kuih bulan menjadi identiti bangsa masyarakat majmuk di Malaysia. Namun begitu, sebahagian masyarakat semakin melupakan makanan warisan yang merupakan simbol masyarakat negara.

Sumber : Internet

Sebagai respons kepada petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mempopularkan makanan warisan.

3

Tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh gajet terhadap gaya hidup remaja masa kini telah membawa anjakan paradigma yang cukup besar. Ketika tinjauan Buletin Mutiara pada 18 April lalu, rata-rata responden berkata ramai remaja sering menghabiskan masa berjam-jam dengan menatap skrin gajet. Penggunaan gajet seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba berlaku peningkatan secara mendadak. Kekerapan menatap skrin tanpa kawalan ini mula menimbulkan masalah kesihatan.

Sumber : Buletin Mutiara

Huraikan kesan yang dinyatakan dalam petikan berserta kesan-kesan lain ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

4

SHAH ALAM – Gejala rasuah yang semakin membarah dalam kalangan masyarakat kini dianggap sebagai ancaman serius terhadap kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kes rasuah masih dilaporkan berlaku dalam sektor awam dan swasta. Gejala rasuah sering dikaitkan dengan sikap tamak, tekanan kos sara hidup serta kelemahan penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

Sumber : Berita Harian online

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor gejala rasuah berleluasa dalam kalangan masyarakat.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



Nightmew Studios

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 *markah*]

1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan* **empat kata kerja tak transitif.** *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata kerja tak transitif** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Bangunan putih seperti White House dan United States Capitol di Washington D.C berdiri megah sebagai mercu tanda negara. Setiap tahun, pelancong datang untuk melihat pusat pemerintahan dan merakamkan kenangan. Mereka berjalan di National Mall untuk menikmati pemandangan sambil mengambil gambar dan membaca papan maklumat sejarah. Kemudian, sesetengah pengunjung berehat di bangku taman sambil menikmati angin petang. Pada waktu senja, semua pengunjung pulang ke penginapan masing-masing dengan kenangan yang tidak dapat dilupakan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tarikan Sosiobudaya Amerika Syarikat'
oleh Pamella Lanyau,
*Dewan Siswa*, Bil. 1/2021

[8 *markah*]

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *mengikut keutamaan*.

[2 *markah*]

(ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan mengamalkan perbelanjaan berhemat.

[3 *markah*]

(iii) Pelajar kini tidak dapat membezakan antara keperluan dan kehendak dalam perbelanjaan harian. Hal ini boleh menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada mereka.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan tersebut?

[4 *markah*]

(iv) Anda mendapati rakan baik anda sering membeli barangan mengikut trend di media sosial tanpa merancang perbelanjaannya terlebih dahulu. Akibatnya dia terjebak dengan masalah kewangan yang serius.

Sebagai seorang rakan yang prihatin, cadangkan tindakan-tindakan yang akan anda ambil untuk membantunya?

[4 *markah*]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
(e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
(f) Tirani karya Beb Sabariah
(g) Silir Daksina karya Nizar Parman
(h) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang menunjukkan kesungguhan watak menyelesaikan masalah bagi setiap novel.

*[6 markah]*

**BAHAGIAN A**
**(30 MARKAH)**
**CADANGAN KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **CEMERLANG** | **26 – 30**<br>(28 – 30)<br>(26 – 27) | **Tema/Tugasan**<br>• Karangan **menepati tema** bahan rangsangan/tugasan.<br><br>**Idea**<br>• Idea **relevan** dengan tema bahan rangsangan/tugasan.<br>• Huraian **jelas** dan **matang.**<br><br>**Bahasa**<br>• Bahasa **gramatis** dari segi kata dan ayat.<br>• Penggunaan kosa kata **luas** dan **tepat.**<br>• Unsur bahasa yang digunakan **bervariasi.**<br>• Penggunaan *ungkapan yang menarik yang **sesuai** dan **tepat.**<br>• Ejaan yang **betul** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.<br>• Penggunaan tanda baca **betul** dan **tepat**.<br><br>**Pengolahan**<br>• Pengolahan **menarik** dan **berkesan.**<br>• **Laras** bahasa **sesuai** mengikut tugasan.<br>• Wacana **lengkap.**<br>• Pemerengganan **sesuai**.<br><br>***Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.** |
| | | **Tema/Tugasan**<br>• Karangan **menepati tema** bahan rangsangan/tugasan. |

TAMAT SAMPEL

# Suka sampel ini?

## Set penuh: Kertas Trial SPM

Bahasa Melayu (25+ set)

**Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:**

- 2 fail PDF
- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

# RM12.90

**BELI SET PENUH RM12.90 >**

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar